

Larangan jual beli mercun masih berkuat kuasa - Polis

Faris Fuad

faris.fuad@bh.com.my

February 12, 2022 @ 2:15pm



Bermain atau membakar mercun serta bunga api yang dilarang juga boleh dihukum penjara tidak lebih sebulan atau denda hingga RM100 atau kedua-duanya mengikut Seksyen 3(5) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Polis mengingatkan orang ramai bahawa larangan memiliki, menjual, membeli dan bermain mercun serta bunga api masih berkuat kuasa untuk semua perayaan, termasuk sambutan Chap Goh Mei pada Selasa ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, berkata hanya bunga api jenis 'Pop-pop' dan 'Happy Boom' dibenarkan kerana tidak mengandungi bahan bakar yang boleh membahayakan keselamatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, penjualan kedua-dua mercun itu masih memerlukan permit daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) berkaitan dan mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Sesiapa didapati memiliki, menjual, membeli, bermain mercun atau bunga api selain daripada yang dibenarkan, boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 7 dan Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207).

"Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tujuh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya.

"Bermain atau membakar mercun serta bunga api yang dilarang juga boleh dihukum penjara tidak lebih sebulan atau denda hingga RM100 atau kedua-duanya mengikut Seksyen 3(5) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Justeru, Abd Jalil menasihati orang ramai supaya terus mematuhi undang-undang bagi menjamin kesejahteraan serta keharmonian masyarakat, selain mengelak berlaku kejadian tidak diingini.